



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Sifat al-Jamil Allah sempurna, indah



Keindahan itu berlawanan sifatnya dengan keburukan. Keindahan boleh didefinisikan dengan pelbagai maksud bergantung kepada sisi pandang penilainya. Indah boleh dilihat kepada rupa fizikal luaran, dinilai pada akhlak dan pada amal kebajikan seseorang.

Nama Allah SWT al-Jamil ini menunjukkan kesempurnaan dan keindahan Allah pada semua nama, sifat, zat dan perbuatan-Nya. Keindahan ini boleh dilihat melalui setiap perbuatan Allah yang penuh dengan hikmah, kebaikan dan keadilan serta rahmat-Nya.

Setiap tindakan-Nya tidak pernah sia-sia hatta dalam penciptaan seekor nyamuk itu pun ada sebab tersendiri.

Proses penciptaan manusia juga mengandungi keindahan dan kesempurnaan Allah apabila manusia diciptakan dalam bentuk yang terbaik dan terindah.

Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: "Tidak akan masuk syurga seseorang yang di dalam hatinya

terdapat kesombongan sebesar zarah."

Ada seseorang yang bertanya: "Bagaimana dengan seorang yang suka memakai baju dan sandal yang bagus?"

Baginda menjawab: "Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan. Sombong adalah menolak kebenaran dan meremehkan orang lain." (Riwayat Muslim)

Hadis ini menggambarkan

kecintaan Allah kepada keindahan, dan keindahan itu meliputi seluruh syariat-Nya.

Allah mencintai hamba-Nya yang menghiasi ucapannya dengan kejujuran, beramal dengan penuh keikhlasan serta setiap pengharapan dan tawakalnya hanya diserahkan kepada-Nya.

Setiap perbuatan atau niat yang buruk harus ditepis keluar daripada hati

seseorang Muslim. Ini adalah kerana di saat seorang itu menghiasi dirinya dengan adab dan akhlak terpuji, maka dia menghiasi dirinya dengan sebaik-baik perhiasan.

Islam meletakkan adab dan akhlak terpuji pada tahap yang tinggi. Keindahan manusia itu bukan saja dilihat melalui keindahan hatinya dalam mencintai Allah, tetapi juga dimanifestasikan melalui

fizikal.

Bagi memperlihatkan nikmat yang dianugerahkan kepada kita, haruslah kita menjaga kesihatan dan ketrampilan diri.

Adalah menjadi sunah kepada seorang Muslim untuk sentiasa menjaga kekemasan diri, sebagai contoh menyikat rambut, memotong kuku dan memakai wangian.

Kita juga dituntut

menghiasi tubuh badan dengan pakaian bersih daripada najis dan kotoran serta memakai pakaian yang baik.

"Makan serta minumlah, bersedekahlah dan pakailah (pakaian yang baik-baik serta berhiaslah), asalkan jangan untuk bermegah-megah dan menyombong dan jangan pula melampau, kerana Allah SWT suka melihat kesan nikmat-Nya ke atas hamba-Nya." (Riwayat Ibnu Majah)

Allah suka terlihatnya kesan nikmat yang dilimpahkan-Nya kepada hamba-Nya. Ini adalah kerana ia juga termasuk dalam keindahan dicintai-Nya serta termasuk dalam bentuk syukur kepada nikmat diberi.

Semoga keindahan lahir dan batin dikurniakan kepada kita membolehkan serta memudahkan kita untuk memahami dan mengamalkan petunjuk-Nya dengan baik dan benar.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di UPM